

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 OCTOBER 2016

## JKKK perlu ubah pemikiran tradisional - Najib

**KUALA LUMPUR 16 Okt.** - Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dinasihatkan supaya mengubah tahap pemikiran tradisional agar boleh memainkan peranan seiring dengan kemajuan teknologi yang semakin pantas berkembang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pemimpin JKKK perlu lebih peka dengan perkembangan teknologi terkini agar mereka boleh menguasai dan kemudian membantu penduduk kampung mendapat manfaat daripadanya.

"Kita mahu JKKK memainkan peranan untuk memperluaskan kegunaan kemudahan Digital Ekonomi kepada penduduk luar bandar.

"Misalnya, JKKK boleh membantu usahawan luar bandar melaksanakan perniagaan menerusi e-dagang yang sasaran pasarnya lebih luas," katanya ketika berucap dalam majlis penyampaian Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M) Peringkat Kebangsaan 2015 di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menurut Najib, pemimpin JKKK juga perlu menyebarkan maklumat mengenai inisiatif yang telah disediakan kerajaan



**NAJIB TUN RAZAK** menyampaikan trofi kepada Ketua Kampung Parit Tengah, Muar, Johor, Sarman Othman (empat dari kanan) yang memenangi kategori Kampung Tradisi di Serdang, semalam. Turut sama, Ismail Sabri Yaakob (tiga dari kiri).

kepada penduduk luar bandar.

"Kita nak kurangkan kos sara hidup bandar dan luar bandar, maka JKKK mesti melibatkan diri menggalakkan penduduk luar bandar meningkatkan produk pertanian dan ternakan supaya dapat sampai di pasaran bandar.

"Sebab itu kita perkenalkan MyFarm Outlet yang memberi

faedah kepada penduduk bandar dan luar bandar," jelasnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut menasihatkan lebih 16,500 JKKK agar tidak terlalu mengharap kerajaan dalam pemberian projek kepada mereka, sebaliknya menumpukan tugas menjadi mata dan telinga kerajaan.

"Dari dulu lagi, JKKK kalau

jumpa wakil rakyat minta projek. Jumpa menteri minta lagi dan minta paling banyak kalau jumpa Perdana Menteri.

"Ini sudah biasa kita lakukan tetapi saya mahu JKKK fikirkan apakah cara untuk melaksanakan semua inisiatif yang sudah diperkenalkan kerajaan untuk membangunkan ekonomi penduduk kampung," jelasnya.

Um - 17/10/2016